



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: (14) KPKT/bpk/19/7/4 Klt.36

Tarikh: 9 Julai 2011

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MEMPERUNTUKKAN RM162.5 JUTA BAGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENKALAN HULU 9 JULAI 2011 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato Wira Chor Chee Heung memaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia telah diperuntukkan dengan bajet pembangunan sebanyak RM162.5 juta pada tahun 2011. Dengan peruntukan itu, sejumlah RM145.2 juta akan digunakan bagi sambungan 9 projek balai baru atau dinaiktarafkan serta 7 projek ibu pejabat negeri dan kuarters. Manakala sejumlah RM15 juta akan digunakan untuk pembelian jentera dan alat kelengkapan dan bakinya akan digunakan untuk perolehan tapak balai.

Beliau berkata demikian sewaktu perasmian Balai Bomba dan Penyelamat, Pengkalan Hulu, Perak yang disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah.

Beliau juga memaklumkan bahawa sehingga kini telah terdapat 103 buah balai kategori A dan B yang beroperasi di bandar-bandar besar serta 55 buah balai kategori C yang beroperasi di bandar-bandar kecil. Cadangan pertambahan bilangan projek telah dilakukan melalui permohonan dalam "Rolling Plan ke 2 RMK10" kepada pihak EPU untuk kelulusan 27 projek balai baru, 21 projek naik taraf, 1 projek pangkalan udara, 3 projek ibu pejabat negeri dan satu projek akademi baru. Cadangan ini meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata,"Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu merupakan satu projek balai kategori C dalam RMK9; yang telah siap dibina semula pada 5 Mei 2009 dengan kos RM6.5 juta. Dengan kekuatan 19 orang pegawai dan 2 unit jentera, balai ini akan memberikan perkhidmatan keselamatan kebakaran kepada 30 ribu orang penduduk dalam kawasan seluas 349.65km². Balai ini juga akan memberikan perkhidmatan bantuan kepada penduduk-penduduk kawasan Grik dan Baling".

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-20992403/20993206
Faks : 03-20956523
e-mail : pro@kpkt.gov.my
